

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS TAHUN 2021**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATO' SERI UTAMA HAJI MUKHRIZ BIN  
TUN DR. MAHATHIR [ JERLUN ]**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**Dato' Seri Utama Haji Mukhriz bin Tun Dr. Mahathir [ Jerlun ]** minta **MENTERI SUMBER MANUSIA** menyatakan jelaskan prospek peluang pekerjaan yang telah Kerajaan sediakan dan jika ia mampu dipenuhi berdasarkan situasi semasa COVID-19 di dalam negara. Nyatakan kesan daripada gelombang baharu pandemik COVID-19 di peringkat antarabangsa kepada penyediaan peluang pekerjaan untuk golongan sasar dalam negara.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di Pertua,**

Perkembangan dan prospek pasaran pekerjaan disokong oleh pelbagai faktor, antaranya termasuklah pertumbuhan ekonomi, aktiviti perdagangan yang rancak, peningkatan projek pelaburan, serta kesediaan tahap kemahiran pekerja mengikut keperluan industri.

Sekalipun berdepan dengan cabaran dan impak pandemik COVID-19, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) melaporkan bahawa Malaysia mencatatkan pertumbuhan kukuh sebanyak 16.1 peratus pada tempoh suku kedua tahun 2021. Pertumbuhan ini menunjukkan bahawa ekonomi negara kini sedang berada dalam landasan pemulihan berbanding dengan suku tahunan yang sama pada tahun 2020 yang menguncup dalam semua suku.

Peningkatan yang konsisten dalam sektor pembuatan, serta proses pemulihan yang memberangsangkan dalam sektor perkhidmatan merupakan faktor utama yang mendorong pertumbuhan ini, iaitu masing-masing 26.6 peratus dan 13.4 peratus pada tempoh yang sama.

Dalam suku tahun pertama 2021, Malaysia telah meluluskan projek pelaburan bernilai RM80.6 bilion yang mencatatkan lonjakan 95.6 peratus berbanding tempoh yang sama tahun lalu.

Pelaburan yang diluluskan ini melibatkan 993 projek dan dijangka menghasilkan sebanyak 32,557 peluang pekerjaan dalam pelbagai bidang serta kemahiran. Ini menunjukkan peningkatan tahap keyakinan para pelabur asing dan domestik terhadap Malaysia sebagai destinasi pelaburan terpilih.

Dari aspek perdagangan antarabangsa pula, prestasi Malaysia terus mengekalkan trend meningkat pada Julai 2021 dengan pertumbuhan perdagangan bernilai 13 peratus kepada RM180.96 bilion berbanding Julai 2020. Nilai eksport berkembang 5 peratus kepada RM97.32 bilion iaitu

## SOALAN NO : 54

peningkatan bagi 11 bulan berturut-turut sejak September 2020. Pertumbuhan eksport ini disokong oleh peningkatan eksport bagi keluaran petroleum, minyak sawit dan keluaran pertanian berasaskan minyak sawit dan bahan kimia yang dipacu oleh permintaan luar yang kukuh. Eksport ke pasaran utama iaitu ASEAN, Kesatuan Eropah (EU) dan Jepun turut merekodkan pertumbuhan positif.

Kerajaan melalui Kementerian Kewangan telah melaksanakan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan bernilai RM530 bilion, termasuk melalui Belanjawan Negara. Setakat ini, lebih daripada RM200 bilion telah disalurkan dan memanfaatkan lebih 20 juta orang serta 2.4 juta perniagaan sejak Mac 2020. Pakej-pakej rangsangan ini akan terus menyokong pelan pemulihan ekonomi negara terutamanya sepanjang pelaksanaan Pelan Pemulihan Negara (PPN) pada tahun 2021.

Selain faktor ekonomi, tahap kemahiran pekerja juga penting untuk memenuhi tuntutan industri bagi mengisi pekerjaan berkemahiran tinggi. Menyedari hal ini, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM3.7 bilion menerusi Belanjawan 2021 untuk melaksanakan Skim Jaminan Penjanaan Pekerjaan (JanaKerja). Skim ini melibatkan penyediaan 500,000 peluang pekerjaan baharu termasuk pelaksanaan pelbagai program peningkatan kemahiran dan latihan semula. Selain itu, tambahan RM1 bilion juga diperuntukkan untuk pelaksanaan program-program tersebut oleh pelbagai Agensi Kerajaan.

Untuk merealisasikan strategi menjana dan mengekalkan pekerjaan selaras dengan matlamat pertama Belanjawan 2021 iaitu ‘Kesejahteraan Rakyat’, **Majlis Pekerjaan Negara atau *National Employment Council (NEC)* telah ditubuhkan**. Penubuhan NEC antara lain, adalah untuk memantau strategi penciptaan peluang pekerjaan dengan memastikan pemulihan dan rangsangan sektor ekonomi di Malaysia berjaya dilaksanakan secara menyeluruh. Strategi yang dilaksanakan juga berpandu kepada data dan sepadan dengan permintaan industri semasa, di samping mengambil kira faktor kesejahteraan rakyat serta tahap ketahanan ekonomi negara.

Menerusi NEC, pelbagai inisiatif telah direncana oleh pihak Kerajaan dalam mengekalkan dan mewujudkan peluang pekerjaan baharu untuk rakyat pasca pandemik COVID-19.

Inisiatif ini yang dipantau di bawah lima (5) Pasukan Petugas Khas (Specialised Task Force - STF) iaitu STF Human Resource & Entrepreneurship (HRE), STF National Education (NE), STF TVET, STF Real Economy (RE) dan STF DeepTech & FutureJobs (DF).

Melalui STF TVET, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) bersama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) memantau strategi penciptaan peluang pekerjaan dalam bidang TVET yang bertujuan memadankan graduan TVET negara dengan industri yang memerlukan kemahiran teknikal, agar dapat menyokong keperluan perkembangan industri.

STF RE yang dipengerusikan bersama oleh MITI dan Unit Perancang Ekonomi (EPU) berperanan untuk mengenalpasti sektor-sektor pertumbuhan ekonomi baharu yang berupaya menjana peluang pekerjaan berkemahiran tinggi.

Di bawah pemantauan STF HRE, MITI turut melaksanakan program PENJANA Upskilling & Reskilling MITI & Agensi yang bertujuan untuk meningkatkan kemahiran dan latihan semula guna tenaga tempatan. Menerusi agensi-agensi di bawah MITI seperti MIDA, MARii, HDC, InvestKL dan MSI, program-program ini mensasarkan penempatan pekerjaan atau penjanaan pendapatan baharu kepada kumpulan graduan tempatan, belia, penganggur atau individu yang diberhentikan atau hilang pekerjaan.

Manakala, Kementerian Sumber Manusia (KSM) dan Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) telah dilantik sebagai penggerusi bersama bagi STF HRE.

## SOALAN NO : 54

STF HRE memainkan peranan yang amat penting dalam menyokong peranan NEC melalui beberapa objektif utama iaitu:

- (i) meningkatkan penciptaan pekerjaan;
- (ii) memaksimumkan tahap pengelalan pekerjaan (*job retention*);
- (iii) membuat padanan pekerjaan secara komprehensif bagi mengatasi isu *underemployment*; dan
- (iv) mengkaji dan merangka mekanisma perlindungan keselamatan sosial bagi pekerjaan sendiri (*self-employed*).

Sehingga 9 Julai 2021, STF HRE telah mencapai KPI sebanyak 73% (266,742 daripada 367,500) jumlah penempatan pekerjaan dan penciptaan pendapatan.

Antara inisiatif atau program utama di bawah STF HRE yang melibatkan KSM adalah seperti berikut:

- i. **Program Upskilling & Reskilling** di bawah Belanjawan 2021 melibatkan agensi di bawah KSM iaitu Pembangunan Sumber Manusia Berhad atau PSMB. Manakala bagi MITI pula, agensi seperti MARii, MIDA, InvestKL, HDC, MSI turut terlibat, selain penglibatan peneraju sektor swasta seperti MDEC, IRDA, NCIA, RECODA, ECERDC dan SEDIA;
- ii. **Inisiatif PenjanaKerjaya oleh PERKESO** adalah bagi mengatasi isu ketidaksepadanan dalam penawaran dan permintaan pekerjaan, selain untuk meningkatkan peluang pekerjaan dan kebolehpekerjaan di kalangan pencari kerja tempatan. Ini termasuk mempertingkatkan lagi program perkhidmatan pekerjaan yang dilaksanakan melalui portal *MyFutureJobs*; dan
- iii. **Meluaskan jaringan keselamatan sosial** kepada golongan pekerja informal untuk mencarum di bawah Skim Keselamatan Sosial Pekerjaan Sendiri (SKSPS).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB MORDI BIMOL (MAS GADING)**

**TARIKH : 15 SEPTEMBER 2021 (RABU)**

**SOALAN**

**TUAN MORDI BIMOL [ MAS GADING ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan menyatakan secara terperinci berapakah jumlah permohonan kewarganegaraan Malaysia setakat Mei 2018 dan berapa yang diluluskan dalam tempoh Mei 2018 hingga Mei 2021 serta berapakah permohonan baru selepas Mei 2018.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di-Pertua,

Jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima dari **tahun 2014 hingga 31 Mei 2018** ialah sebanyak **66,802 permohonan**. Jumlah Sijil Kewarganegaraan yang telah diluluskan dari tempoh 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2021 adalah sebanyak **11,158 permohonan**. Jumlah permohonan kewarganegaraan yang diterima dari tempoh 1 Jun 2018 hingga 31 Ogos 2021 ialah sebanyak 26,229 permohonan.